



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

PROGRAM GERAK RAHMAH: MEMBINA KESEPADUAN MELALUI ‘JOM MASAK BUBUR LAMBUK PERPADUAN’ DAN SUNGKEI PERDANA 2024

SIBU, 23 Mac 2024 – YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Program GERAK RAHMAH: ‘Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan dan Sungkei Perdana 2024’ yang dilaksanakan secara serentak di seluruh negara. Program Gerak Rahmah adalah merupakan salah satu inisiatif yang bertujuan memperkasa, dan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan serta kesukarelawanan dalam komuniti khususnya dalam mendukung aspirasi Kerajaan untuk membangunkan Komuniti Rahmah. Program dilaksanakan di tiga (3) peringkat, iaitu peringkat kebangsaan di Sibu Sarawak, peringkat negeri di 16 buah negeri, dan peringkat Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa **kejayaan program sebelum ini telah memberikan dorongan positif terhadap nilai-nilai kebersamaan, muhibah dan perpaduan** dalam kalangan masyarakat berbilang bangsa dan agama. Pada tahun 2023, **hampir 4,002 KRT telah menyertai program ini dengan pengedaran sebanyak 400,000 bekas bubur lambuk**. Manakala pada tahun ini **disasarkan lebih 600,000 bekas bubur lambuk akan diedarkan di seluruh negara oleh anggota KRT**. Selain agihan bubur lambuk, terdapat juga program lain seperti sumbangan Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, dan iftar Ramadan.

“KRT adalah jentera perpaduan di peringkat komuniti yang berperanan penting dalam memastikan keselamatan, kesejahteraan, dan keharmonian. Sehingga kini, terdapat lebih daripada **8,438 KRT yang ditubuhkan di seluruh negara, dan jumlah ini dijangka akan terus meningkat setiap tahun**,” ujar Dato Sri Aaron.

Beliau berharap agar program seumpama ini dapat **meningkatkan kesedaran dan menggerakkan peranan KRT sebagai agen penyatuan masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan komuniti yang lebih progresif**.

YB Menteri Perpaduan Negara turut menyatakan juadah bubur lambuk harus diangkat sebagai **simbol perpaduan dan nilai kebersamaan** yang dapat dilihat dengan signifikan melalui penggabungan pelbagai ramuan seperti beras, bawang, rempah, daging dan sebagainya yang akhirnya memberikan citarasa yang sedap. Selain itu, **amalan penyediaan bubur lambuk di Malaysia secara “rewang” atau gotong royong dalam komuniti juga merupakan simbol perpaduan yang unik.** Konsep penyatuan seperti ini harus juga diterjemahkan dalam kehidupan sehari-hari dalam semua peringkat lapisan masyarakat sekaligus mengangkat agenda **“Perpaduan Dalam Kepelbagian”.**

KPN juga merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik serta pemimpin-pemimpin di peringkat Negeri, DUN, dan Daerah yang bersama-sama menyemarakkan semangat perpaduan melalui program ini.

Kementerian Perpaduan Negara

23 Mac 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat lapan (8) Jabatan/ Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak, 8. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
 b.p.: Ketua Setiausaha
 Kementerian Perpaduan Negara
 Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
 E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()